


Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

Prestasi Ekonomi Global

Pertumbuhan global berterusan pada S4 2025


KDNK ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, %



¹ Merujuk unjuran KDNK S4 2025 oleh Federal Reserve Bank of Atlanta
Sumber: Pihak berkuasa negara

Aktiviti perdagangan serantau bercampur-campur merentas ekonomi

Eksport ekonomi terpilih,
Perubahan tahunan, % (dalam dolar AS)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Sorotan

- Pertumbuhan global berterusan pada S4 2025**, disokong oleh eksport berkaitan teknologi yang kukuh berikutan peningkatan perbelanjaan teknologi yang didorong oleh kecerdasan buatan (*artificial intelligence*, AI), inflasi yang semakin berkurang serta dasar fiskal dan monetari yang memberikan sokongan. Pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) didorong oleh penggunaan yang berdaya tahan, perbelanjaan kerajaan yang berterusan serta eksport yang lebih tinggi. Di China, kemerosotan sektor harta tanah dan sentimen yang lemah terus menjejaskan permintaan dalam negeri.
- Perdagangan serantau menunjukkan trend yang bercampur-campur**. Beberapa ekonomi yang mendapat manfaat daripada permintaan yang kukuh bagi sektor elektrik dan elektronik (E&E), termasuk komponen berkaitan AI, mencatatkan pertumbuhan eksport yang lebih tinggi, manakala ekonomi lain mengalami perdagangan yang lebih perlahan apabila kesan tarif menjadi lebih ketara.
- Inflasi keseluruhan global mereda**, didorong terutamanya oleh harga komoditi yang lebih rendah berikutan pengeluaran yang lebih tinggi serta keadaan permintaan yang lebih rendah.
- Harga minyak mentah Brent menurun** kepada USD63 setong pada S4 2025 (S3 2025: USD68 setong), didorong oleh keadaan lebihan bekalan dalam pasaran minyak global berikutan bekalan yang terus meningkat daripada negara pengeluar OPEC dan bukan OPEC.